

25/02/1999

Kementerian panggil ketua dua pegawai biadab

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Sumber Manusia akan memanggil ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat multinasional di sini, berhubung dakwaan dua pegawai dagangnya tidak menghormati budaya, agama, tradisi dan undang-undang.

Menterinya, Datuk Lim Ah Lek, berkata hanya pegawai tertinggi syarikat itu dipanggil untuk perbincangan sebelum kementerianya membuat sebarang keputusan berhubung kes berkenaan.

Beliau yang menerima laporan lengkap siasatan Jabatan Buruh mengenai kes itu hari ini, berkata dua pegawai dagang rakyat Australia itu tidak akan dipanggil menghadiri perbincangan berkenaan.

Laporan itu diserahkan Ketua Pengarah Buruh, Datuk Tengku Omar Tengku Bot.

"Saya akan panggil ketua pegawai eksekutif syarikat berkenaan untuk berbincang perkara itu minggu ini. Selepas itu, saya tahu apa nak buat," katanya kepada pemberita selepas jamuan tengah hari selepas mesyuarat Kabinet, hari ini.

Jamuan itu dianjurkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Antara yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri-menteri Kabinet.

Baru-baru ini, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak, mendakwa dua pegawai terbabit tidak menghormati budaya, agama, tradisi dan undang-undang negara ini.

Pegawai itu, masing-masing memegang jawatan pengarah urusan dan pengurus logistik dan pengedaran nasional di Shah Alam, dikatakan menuduh undang-undang Malaysia sebagai bodoh dan ketinggalan zaman dalam satu mesyuarat antara majikan dan pekerja, Mac tahun lalu.

Pegawai itu juga mempersendakan langkah kerajaan mengisytiharkan satu hari cuti umum bagi memperingati pencapaian gemilang Malaysia memperolehi 10 pingat emas pada Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98) tahun lalu.

Selain itu, seorang daripada pegawai itu didakwa mengeluarkan arahan memansuhkan 18 perkara utama termasuk cuti bersalin dan cuti ehsan daripada perjanjian bersama yang diluluskan oleh Mahkamah Perindustrian, walaupun kakitangan eksekutif kesatuan sekerja dan pengurusan syarikat terbabit bersetuju mengekalkan peruntukan berkenaan.

(END)